

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KE-3, TAHUN 2016**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK [KUALA PILAH]

SOALAN : 10

Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah bentuk langkah jangka masa panjang dan proaktif pihak Kementerian dalam menanamkan kesedaran sivik serta menghormati nilai kepelbagaian bangsa seperti kempen menghormati warga tua, budi bahasa budaya kita, semangat patriotisme, dan iain-iain yang terdapat di saluran TV1, TV2 dan TV3 dapat diperluaskan saluran TV milik swasta.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) menerusi Jabatan dan Agensi di bawahnya menggunakan strategi komunikasi bersepadu melalui komunikasi bersemuka, media elektronik, bahan cetakan dan media siber dalam melaksanakan program/aktiviti bagi mempromosi dan memasarkan dasar-dasar Kerajaan Malaysia, menanamkan kesedaran sivik serta kempen nilai-nilai murni secara cepat, tepat, kreatif dan meluas agar dapat difahami dan dihayati oleh seluruh rakyat.

Berkaitan dengan media siber, Jabatan dan Agensi di bawah KKMM menggunakan pelbagai platform seperti *Facebook*, *Youtube*, *Twitter*, laman portal, laman blog dan sebagainya bagi menjelaskan lagi dasar-dasar Kerajaan secara mudah, tepat dan kreatif dalam mendekati kumpulan generasi muda terutamanya.

Selain itu sebagai media elektronik rasmi kerajaan, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), BERNAMA dan lain-lain penyiar arus perdana menggunakan pelbagai bentuk program seperti program temubual, program majalah, program turun padang, berita, berita tebuk (*break-in news*), termasuk pesanan khidmat awam (PSA) bagi menjelaskan dasar-dasar negara dan kempen nilai-nilai murni kepada semua lapisan masyarakat.